

# USIM, Pengasih jalin kerjasama

KAEDAH alternatif yang lebih sesuai dan berkesan bagi merawat mereka yang mempunyai masalah berkaitan penyalahgunaan dadah sedang dibangunkan melalui kerjasama antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih).

Program yang diterajui Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia Tenggara (Acreda) USIM ini melibatkan penyelidik dan dibantu 10 pelajar pengajian Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah.

Antara kaedah penyelidikan yang akan dijalankan merangkumi latihan dan pendidikan pencegahan berkaitan penyalahgunaan dadah, seminar, kempen media serta program kerohanian yang dijalankan oleh USIM kepada para penghuni Pengasih.

Acreda ditubuhkan empat tahun lalu merupakan sebuah institusi penyelidikan, perkhidmatan perundingan, penulisan, penerbitan, latihan serta pusat maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah bertaraf nasional



ASMA (kiri) dan Mohd. Yunus (kanan) bergambar selepas menandatangani memorandum persefahaman antara USIM dan Pengasih di Kuala Lumpur baru-baru ini.

dan serantau.

Ia juga menjadi platform dan hubungan sejagat untuk membentasi penyalahgunaan dadah di peringkat serantau dan menjadi sumber rujukan untuk melaksanakan agenda tersebut.

Sementara itu, Naib Canselor

USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, tanggungjawab yang dipikul oleh USIM ini sebagai usaha mencari kaedah pemulihan dan rawatan yang lebih sesuai kepada penagih dadah.

Menurut beliau, penyelidikan yang

dijalankan diharap dapat membantu menambahbaik mutu dan keberkesanan program pemulihan kepada penghuni Pengasih dan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

"Melalui kerjasama ini, USIM menerusi kepakaran Acreda akan membantu mencari rawatan yang lebih berkesan dalam proses pemulihan mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui selepas menandatangani memorandum persefahaman antara USIM dengan Yang Dipertua Pengasih, Datuk Mohd. Yunus Pathi di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengasih ketika ini mempunyai 500 penghuni yang mendapatkan rawatan dalam masalah dadah di enam kawasan seluruh negara.

Sejak dibuka pada tahun 1991, pusat ini telah berjaya memulihkan kira-kira 6,000 penghuni termasuk yang berhadapan dengan masalah ketagihan dadah yang serius. - NORAINI HASSAN BASRI